

# OIC perlu proaktif

29/08/2006

## banteras rasuah: PM

### Abdullah kecewa kedudukan negara Islam dalam CPI

Oleh Azman Zakaria

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang kecewa dengan kedudukan tidak memuaskan negara Islam dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI), mahu Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) memainkan peranan lebih aktif membanteras rasuah secara global.

Perdana Menteri berkata, ini perlu bukan saja untuk memenuhi tanggungjawab kepada masyarakat antarabangsa, malah lebih penting bagi kebaikan ummah agar menikmati kedudukan ekonomi, sosial dan politik yang lebih baik pada masa depan.

Beliau yang juga Pengerusi OIC berkata, analisis Transparency International mengenai CPI terhadap 158 negara tahun lalu, menunjukkan negara Islam yang mempunyai rekod terbaik hanya menduduki tempat ke-29.

"Lebih separuh daripada 10 tempat terendah adalah negara Islam dan jika diambil purata bagi negara Islam secara keseluruhannya, mata yang diperolehi adalah 3.06 daripada 10 mata penuh yang meletakkan negara Islam pada tempat ke-89," katanya.

Abdullah berkata demikian dalam

ucapannya ketika merasmikan Forum Anti Rasuah dan Meningkatkan Integriti, OIC 2006 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini, semalam.

Seramai 250 peserta dari 45 negara anggota OIC menghadiri forum tiga hari anjuran Badan Pencegah Rasuah (BPR) itu, yang antara lain bertujuan bertukar pengalaman dan bekerjasama memerangi rasuah serta meningkatkan integriti.

Perdana Menteri berkata, walaupun CPI hanya kajian persepsi, ia digunakan secara meluas oleh bakal pelabur sebagai rujukan dan sebab itu negara Islam perlu memberi fokus memperbaiki kedudukan itu.

Beliau juga berkata, rasuah tidak boleh lagi disifatkan sebagai masalah dalam kerana kesannya akan melangkaui sempadan berikutan kemajuan teknologi, dunia tanpa sempadan dan perubahan struktur pengurusan serta ekonomi.

"Jika tidak ditangani, kesannya ialah kemusnahan kepada ekonomi, politik dan budaya kemanusiaan.

"Oleh itu, setiap negara mesti bekerjasama dengan negara lain untuk memerangi rasuah. Ia mesti dilakukan secara holistik, bersama-sama dan berskala global. Jika tidak, matlamatnya sukar dicapai," katanya.

Abdullah juga percaya kebanyakan cabaran pembangunan dihadapi negara Islam mempunyai kaitan dengan kemiskinan, tadbir urus yang lemah dan peluang pendidikan terhad, yang diburukkan lagi dengan adanya rasuah.

"Rasuah ibarat barah yang tidak mepedulikan moral, tadbir urus yang baik dan undang-undang. Ia penyakit yang merampas sumber untuk membina kemajuan dan pembangunan mapan, yang akhirnya terbuang dan membawa kesan bahaya.

"Dalam hubungan ini, rasuah bukan saja satu masalah bagi generasi sekarang tetapi juga akan datang kerana rasuah yang dilakukan hari ini

akan menjejaskan generasi seterusnya," katanya.

Perdana Menteri turut menggariskan beberapa langkah diambil Malaysia bagi membanteras rasuah, tetapi menegaskan paling penting ialah perlunya kesungguhan politik untuk menguatkuasakan undang-undang antirasuah, menutup ruang bagi rasuah serta menyemai etika dan integriti dalam masyarakat.

Sementara itu, dalam perutusan kepada perwakilan forum tiga hari itu, Abdullah berkata, forum berkenaan mempunyai impak langsung dan tidak langsung terhadap kehidupan 1.8 bilion umat Islam di seluruh dunia.

Katanya, forum itu yang pertama diadakan dalam sejarah OIC, dianjurkan selaras dengan Bahagian VIII program tindakan 10 tahun OIC yang berkaitan dengan hak asasi manusia dan tadbir urus, terutama dalam mempromosikan ketelusan, bertanggungjawab dan menghapuskan rasuah.

"Saya yakin bahawa forum ini akan bertindak sebagai satu langkah pertama ke arah menanamkan persefahaman dan kerjasama tinggi di kalangan negara anggota OIC dalam membanteras rasuah dan meningkatkan integriti," katanya.

#### FAKTA NOMBOR

Indeks Persepsi Rasuah (CPI)

158

Negara sertai analisis  
Transparency International

29

Kedudukan terbaik negara Islam